



LAPORAN TAHUNAN EDISI 2022

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

KEMENTERIAN
INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI
DAN PEMBANGUNAN WILAYAH
SARAWAK
(M-FICORD)





*Bersatu Berusaha Berbakti
An Honour To Serve*



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK 2023

Hak cipta terpelihara. Tidak ada bahagian dari buku ini yang dapat diterbitkan semula atau digunakan dalam bentuk apa pun dengan cara apa sekalipun, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau oleh sistem penyimpanan dan pengambilan maklumat, tanpa izin secara bertulis daripada JPVS.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak
Lot 877, Jalan Semenggok, Off Batu 12,
Jalan Kuching-Serian,
93250 Kuching,
Sarawak.

2023 | HAK CIPTA JPVS.

dedikasi



SALAM SARAWAK MAJU MAKMUR

*Buat warga JPVS teristimewa.
Terima kasih atas segala peluang
dan kerjasama anda yang
tak pernah padam.*

*Juga kepada semua ahli keluarga
kami yang tercinta, sokongan dan
dorongan kalian akan tetap dikenang.*

*Jutaan terima kasih kepada
YB Dato Sri Dr. Stephen Rundi Anak Utom
Selaku Menteri Industri Makanan, Komoditi
Dan Pembangunan Wilayah Sarawak dan
kepada Setiausaha Tetap Kementerian di
atas segala sokongan yang diberikan.*

TERIMA KASIH ATAS SEGALANYA



isi kandungan

PENDAHULUAN	BAB 01
Amanat Menteri (M-FICORD)	2
Perutusan Setiausaha Tetap (M-FICORD)	4
Perutusan Pengarah Veterinar Sarawak	6
Jasamu Tetap Dikenang	12
Ketua-Ketua Bahagian, Cawangan, Seksyen, & Unit	15
Visi & Misi JPVS	21
Carta Organisasi Pengurusan Tertinggi JPVS	22
Peranan & Fungsi JPVS	24
Nilai Besama SCS & Nilai Teras Jabatan	25
Tema Objektif Strategik Jabatan	26
 LAPORAN TAHUNAN 2022	 BAB 02
Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan	30
Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan	97
Bahagian Komersialisasi Dan Khidmat Sokongan	108
Bahagian Kesihatan Haiwan	124
Bahagian Kesihatan Awam Veterinar	133
Bahagian Regulatori	145
Cawangan Penguatkuasaan	149
Seksyen Pentadbiran Dan Sumber Manusia	152
Seksyen Kewangan Dan Akaun	157
Unit Integriti	162
Unit Pengurusan Aset	164
Makmal Diagnosa Veterinar Sarawak	169
 PENGGULUNGAN	 BAB 03
Sidang Editorial	194
Sekalung Budi	196
JPVS Galeri 2022	199



A diamond
doesn't start out polished and shining. It
once was nothing special, but with
enough pressure and time,
becomes spectacular.

DVS SARAWAK
IS THAT DIAMOND.



BAB 01 PENDAHULUAN



Amanat

YANG BERHORMAT
DATO SRI DR. STEPHEN RUNDI ANAK UTOM

MENTERI INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN
PEMBANGUNAN WILAYAH
SARAWAK

Salam Sarawakku Sayang, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) atas penerbitan Buku Laporan Tahunan Jabatan Edisi 2022.

JPVS adalah salah satu jabatan yang memainkan peranan yang penting untuk mengawal selia dan memacu industri ternakan serta menyediakan perkhidmatan veterinar yang terbaik bagi mengawal penyakit zoonotik dan yang berkepentingan ekonomi. JPVS telah menyumbang kepada keterjaminan makanan dan membantu rakyat di luar bandar dengan projek ternakan serta berperanan untuk membasmi penyakit Rabies menjelang tahun 2025.

Dengan adanya nilai integriti yang tinggi serta kecekapan yang baik, saya yakin JPVS dapat memastikan kualiti perkhidmatan yang disampaikan sentiasa berada pada tahap yang membanggakan.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan ke atas segala usaha yang telah disumbangkan oleh semua pihak dalam merealisasikan VISI dan MISI jabatan. Semoga semangat berpasukan ini akan terus memacu kejayaan di masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



YANG BERTAMBAH HORMAT
DATO SRI DR. STEPHEN RUNDI ANAK UTOM





Perutusan

YANG BERBAHAGIA
DATU EDWIN ABIT


SETIAUSAHA TETAP
KEMENTERIAN INDUSTRI MAKANAN, KOMODITI DAN
PEMBANGUNAN WILAYAH
SARAWAK

Salam Ibu Pertiwiku, syabas saya ucapkan kepada semua Warga Veterinar Sarawak yang terlibat dalam membuat laporan tahun ini. Laporan ini mengandungi informasi terkini, pencapaian, tugas dan aktiviti yang dijalankan di mana ianya menjadi pengukur kepada *Key Performance Indicator* (KPI) jabatan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) memainkan peranan penting di bawah Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak dalam membangunkan sektor industri ternakan. JPVS telah menyumbangkan banyak bantuan dalam program pembangunan ternakan. Melalui *Post-COVID Development Strategy 2030* (PCDS 2030), JPVS akan terus menjadi peneraju dalam usaha meningkatkan tahap sara diri (*Self Sufficiency Level - SSL*) yang tinggi dalam industri ternakan dan menyumbang kepada "**net food exporter**" menjelang 2030.

JPVS berfungsi untuk mentransformasikan sektor industri ternakan melalui program pembangunan ternakan dengan menggalakan pelaburan swasta untuk meningkatkan penggunaan teknologi moden yang berdaya saing dan mampan. JPVS juga bertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan veterinar, kesihatan veterinar dan menguatkuasakan Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua warga veterinar yang telah melaksanakan tugas dengan cemerlang pada tahun 2022. Sekian, terima kasih.



YANG BERBAHAGIA

DATU EDWIN ABIT





Perutusan

YANG BERBAHAGIA
DATU DR. ADRIAN SUSIN AMBUD

PENGARAH
PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI
SARAWAK

Berpaksikan aspirasi Sarawak untuk mencapai **Net Exporter of Food by 2030**, banyak projek dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun. Usaha akan diteruskan untuk meningkatkan keupayaan jabatan dan usahawan bagi membangunkan industri ternakan untuk meningkatkan tahap sara-diri (SSL) hasilan ternakan terutamanya ruminan dari **12% kepada 25 %** pada tahun 2030 dan seterusnya 50% menjelang tahun 2050. Sarawak perlu mempunyai populasi 60,000 ekor lembu dan 20,000 ekor kerbau untuk mencapai sasaran tersebut menjelang 2030.

Aktiviti pembenterasan rabies akan berterusan untuk mencapai sasaran **bebas rabies menjelang 2025**. Manakala penyakit **African Swine Fever (ASF)** perlu dihapuskan dari Sarawak demi industri ternakan yang mampan. Usaha akan dipertingkatkan lagi bagi aktiviti pemantauan, persampelan dan kesedaran penternak agar Sarawak terus kekal bebas penyakit **Foot and Mouth Disease (FMD)** dan diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH).

Usaha dan aktiviti jabatan ini akan menjurus kepada peningkatan nilai pengeluaran industri ternakan kepada **RM4.0 billion** menjelang tahun 2030. Oleh yang demikian, saya menyeru agar WARGA VETERINAR akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik demi pembangunan industri ternakan Sarawak. Para penternak pula perlu menggunakan teknologi terkini dalam pengurusan ternakan seperti IoT, *Modern Pig farm (MPF)*, *precision livestock farming* serta meningkatkan biosekuriti ladang demi kesihatan haiwan, pencegahan penyakit, keselamatan dan keterjaminan makanan.

Sekian, terima kasih.


YANG BERBAHAGIA
DATU DR. ADRIAN SUSIN AMBUD





Perutusan

YANG BERUSAHA DR. STEPHEN GABRIEL

TIMBALAN PENGARAH
KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN

Tahun 2022 merupakan tahun yang sangat mencabar bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVSS) kerana ia perlu bergelut dengan isu kesihatan haiwan, aktiviti penguatkuasaan dan pematuhan veterinar serta kebimbangan kesihatan veterinar awam.

Penyakit Demam Babi Afrika (ASF) telah melanda industri babi. Pada mulanya ia menjejaskan babi peliharaan di rumah panjang dan babi hutan. Kemudian penyakit itu merebak ke ladang babi separuh komersial dan ke ladang babi komersial besar. Babi dalam *Pig Farming Area (PFA)* di Pasir Puteh tidak terjejas dan terus dibekalkan ke pasaran tempatan dan kira-kira 121,800 ekor telah dieksport ke Singapura pada tahun 2022.

Penyakit Rabies terus menjadi kebimbangan kesihatan awam utama kerana kes gigitan haiwan yang meningkat. Setiap bulan kes gigitan anjing dan bilangan anjing yang disahkan positif rabies masih tinggi.

Wabak Penyakit Kuku dan Mulut (FMD) di Indonesia pada April 2022 (Disahkan oleh WOAHA pada 6 Mei 2022) telah meletakkan Jabatan dalam keadaan berjaga-jaga kerana FMD adalah penyakit yang mempunyai kepentingan ekonomi. DVS Sarawak dan DVS Sabah bersama-sama DVS Putrayaya dan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia sedang memulakan pembangunan zon perlindungan dalam sempadan kita dengan Indonesia untuk mencegah kemasukan FMD ke dalam kedua-dua negeri ini.

Bahagian Regulatori terus memasukkan lebih banyak produk dan barangan ternakan ke dalam Kod HS Kastam dan kebanyakan syarat import dan eksport telah dimuat naik dalam sistem Dagangnet. Ketidakpatuhan telah dirujuk kepada Bahagian Penguatkuasaan untuk tindakan selanjutnya.


YANG BERUSAHA
DR. STEPHEN GABRIEL





Perutusan

YANG BERUSAHA DR. SAJEM JINIM

TIMBALAN PENGARAH
PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN

Industri ternakan di Sarawak telah menghadapi beberapa cabaran pada tahun 2022. Cabaran pertama merupakan kos makanan yang tinggi yang mempunyai kesan negatif yang ketara kepada industri ayam dan khinzir di mana pengeluaran komoditi ayam daging dan telur menurun dan harga komoditi ini menaik. Bagi menangani cabaran ini, kerajaan telah memberi subsidi ayam pedaging dan telur kepada penternak ayam komersial serta mengenakan kawalan harga untuk komoditi ayam pedaging dan telur serta.

Cabaran yang kedua merupakan wabak penyakit "*African Swine Fever*" (ASF) yang mengakibatkan banyak kematian babi dan kebanyakan ladang babi perlu ditutup. Program pembangunan ternakan babi pula terpaksa ditangguhkan sehinggalah penyakit ini dibasmikan.

Sektor ruminan pula mempunyai cabaran untuk meningkatkan kadar kelahiran lembu yang rendah yang melambatkan pertumbuhan populasi lembu untuk mencapai sasaran tahap sara diri daging yang ditetapkan iaitu 25% menjelang tahun 2030.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan staf di bawah Sektor Pembangunan Industri Ternakan yang telah melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan berkomitmen sepanjang tahun 2022 dalam menangani segala cabaran yang dihadapi untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan untuk industri. Dengan adanya berbagai-bagai cabaran yang dihadapi, dirahapkan semua staf sentiasa meningkatkan usaha dalam bidang kerja masing-masing untuk meningkatkan prestasi.

Sekian, terima kasih.



YANG BERUSAHA
DR. SAJEM JINIM





Jasamu Tetap Dikenang

**STATE VETERINARY AUTHORITY (SVA)
MANTAN KETUA
PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK
1965 – 2016**



**YANG BERUSAHA
DR. STEPHEN GABRIEL
(2014 – 2016)**



**YANG BERUSAHA
DR. HUMRAWALI HAZID AHMAD
KHAN
(2010 – 2013)**



**YANG BERUSAHA
DR. CHIN VEI CHING
(2008 – 2009)**



**YANG BERUSAHA
DR. SIA CHIK HONG
(2001 – 2007)**



**YANG BERUSAHA
DATO' DR. HSIUNG KWO YEUN
(1991 – 2001)**



**YANG BERUSAHA
DR. ONG SHAK FOO
(1965 – 1991)**





KETUA-KETUA PENOLONG PENGARAH

Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Bahagian Komersialisasi dan Khidmat Sokongan
Bahagian Kesihatan Haiwan
Bahagian Kesihatan Awam Veterinar
Bahagian Regulatori

PENOLONG-PENOLONG PENGARAH

Cawangan Penguatkuasaan
Seksyen Pentadbiran dan Sumber Manusia
Seksyen Kewangan dan Akaun
Unit Survelan dan Epidemiologi
Unit Integriti
Unit Pengurusan Aset

KETUA-KETUA PENOLONG PENGARAH

SEKTOR PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN




KETUA PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN
DR. SAJEM JINIM



KETUA PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN
DR. WILLIAM ROVINA NATING



KETUA PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN KOMERSIALISASI DAN KHIDMAT SOKONGAN
MR. MATHEW JENANG

KETUA-KETUA PENOLONG PENGARAH

SEKTOR KESIHATAN VETERINAR DAN PEMATUHAN



KETUA PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN KESIHATAN HAIWAN
DR. ANDREA LIM LI LI



KETUA PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN KESIHATAN AWAM VETERINAR
DR. NICHOLAS JENEK



KETUA PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN REGULATORI
DR. CHUO HOCK TIENG

PENOLONG-PENOLONG PENGARAH

CAWANGAN | SEKSYEN | UNIT



PENOLONG PENGARAH
CAWANGAN PENGUATKUASAAN
MOHD FAHDIL BIN ANTUM



PENOLONG PENGARAH
SEKSYEN PENTADBIRAN DAN SUMBER MANUSIA
HANIF BIN HANAPI



PENOLONG PENGARAH
SEKSYEN KEWANGAN DAN AKAUN
HANNAH IMELDA FREDRICK



PENOLONG PENGARAH
UNIT SURVELAN DAN EPIDEMIOLOGI
CASSANDRA CH'NG DUAN SHU



PENOLONG PENGARAH
UNIT INTEGRITI
NUR AQMA SYAIRAH SYAFIQAH BINTI MD ZAIDI



PENOLONG PENGARAH
UNIT PENGURUSAN ASET
SELMAH APANG

KETUA-KETUA PEJABAT

PEJABAT PEKHIDMATAN VETERINAR BAHAGIAN



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN KUCHING
DR. NICHOLAS JENEK



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN SAMARAHAN
ZULHAZI MOHD TAMNON



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN SERIAN
JIMMY HENRY (R.I.P)



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN SRI AMAN
GLENICE BULAN AYUU



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN BETONG
DR. SIONG JING JING



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN SARIKEI
DR. NG LILY

KETUA-KETUA PEJABAT

PEJABAT PEKHIDMATAN VETERINAR BAHAGIAN



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN SIBU
DR. AINUL RIZA BINTI ABU SEMAN



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN KAPIT
RICKY JAMESON JALI



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN MUKAH
HASNUL BIN ABDULLAH BUYONG



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN BINTULU
DR. NAZIAH MUNTIL



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN MIRI
DR. SYLMIE AL-HARIR



KETUA PEJABAT BAHAGIAN
BAHAGIAN LIMBANG
DR. NUR ATHIRAH BINTI MOHD JAZMAN



VISI

Industri Penternakan Maju Menjelang 2030.

An Advanced Livestock Industry By 2030.

MISI


Mentransformasikan Industri Ternakan Ke Arah

Industri Yang Berdaya Saing Dan Mampan.

Transforming The Livestock Industry Into

A Competitive And Sustainable Industry.

TOP MANAGEMENT



DEPUTY DIRECTOR
Livestock Industry
Development
Dr. Sajem Jinim



Livestock and Commodity
Development Division
Dr. Sajem Jinim



Research and
Planning Division
Dr. William Rovina Nating



Commercialization and
Support Service Division
Mathew Jenang



Livestock
Development Section
Chana Langkan



Research and
Development Section
Norizawati Muhd Nur



Training and
Accreditation Section
Daud Imbang



Commodity
Development Section
Henry Banyan



Budget and
Planning Section
Sally Robin

Corporate Relation
and Extension Section
(VACANT)

Service Management Branch



Administration and Human
Resource Section
Hanif Bin Hanapi



Asset Management
Unit
Selmah Apang



Finance and
Accounting Section
Hannah Imelda Fredrick

Divisional

KUCHING



Dr. Nicholas
Jenek

SAMARAHAN



Zulhazi Tamnon

SERIAN



Jimmy Henry

SRI AMAN



Glenice Bulan

BETONG



Dr. Siong Jing Jing

SARIKEI



Dr. Ng Lily

ORGANIZATIONAL CHART

DIRECTOR
State Veterinary Authority
Dr. Adrian Susin Ambud



Director's Secretary
Suryani Sahaman



DEPUTY DIRECTOR
Veterinary Health
and Compliance
Dr. Stephen Gabriel



Epidemiology and
Surveillance Unit
Cassandra C'hng
Duan Shu



Animal Health
Division
Dr. Andrea Lim Li Li



Veterinary Public
Health Division
Dr. Nicholas Jenek



Regulatory
Division
Dr. Chuo Hock Tieng



OIC State Veterinary
Diagnostic Laboratory
Dr. Nicholas Jenek



OIC Veterinary Public
Health Laboratory
Dr. Jackie Peter



Licensing
Unit
Dicy Ganyai



Integrity Unit
Nur AqmaSyairah Syafiqah
Bt Md Zaidi



Enforcement Branch
Mohd Fahdil @ Antum
Ak Hutel



Prevention And
Operation Section
Tan Hock Khim



Investigation and
Prosecution
Section
Comie Nego

Offices

SIBU



Dr. Ainul Riza

MUKAH



Hasnul Abdullah

KAPIT




Ricky Jameson

BINTULU



Dr. Naziah Muntill

MIRI



Dr. Sylmie Al-Harir

LIMBANG



Dr. Nur Athirah

PERANAN DAN FUNGSI

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK

PERANAN

- Memajukan Kegiatan Sosio-ekonomi Ternakan & Komoditi
- Menjaga Serta Melindungi Kesihatan Awam Veterinar
 - Meningkatkan Pengawasan Kesihatan Haiwan
- Memelihara Pematuhan Ordinan Yang Berkesan

FUNGSI

- Mengawal, Mencegah Dan Menghapuskan Penyakit Haiwan Dan Zoonotik
- Pengawalan Import Dan Eksport Ternakan Dan Hasil Ternakan
- Menjalankan Pemeriksaan Veterinar Dan Penguatkuasaan Veterinar
- Pembangunan Industri Ternakan, Pembangunan Veterinar Dan Latihan
- Penyelidikan Ternakan Dan Khidmat Nasihat
- Perkhidmatan Makmal Dan Diagnostik

NILAI BERSAMA SCS DAN NILAI TERAS JABATAN

Nilai Bersama adalah kepercayaan asas dan prinsip Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (JPVS) yang membantu Jabatan dalam menjalankan kewajipan. Nilai - nilai teras ini membantu Jabatan menentukan hala tuju dalam mencapai visi dan misi Jabatan.

INTEGRITI

Nilai ini merupakan ibu kepada kesemua nilai. Dalam 6 Nilai Bersama ini, integriti bermaksud kejujuran, kepercayaan dan kebolehan yang ditunjukkan melalui keadilan kepada setiap individu dan ketelusan dalam tindakan.

BAIK HATI DAN PRIHATIN

Baik hati dan prihatin melibatkan sifat empati dan keprihatinan dalam pelaksanaan tugas harian baik kepada rakyat mahupun rakan sekerja. Nilai baik hati dan prihatin mewujudkan suasana harmoni dan muhibbah di tempat kerja kerana didasari dengan rasa ikhlas dan setiakawan.

PROFESIONALISME

Profesionalisme merujuk kepada kompetensi kerja dan sendiri yang tinggi serta sikap yang bertanggungjawab dalam menjalankan tugas. Ia adalah kebolehan untuk bertindak adil, telus serta patuh kepada peraturan dan arahan tanpa mengira status atau pertalian. Kepentingan organisasi lebih diutamakan daripada kepentingan individu.

SIKAP BERSEGERA DAN SEMANGAT SEPUNYA

Sikap bersegera dan semangat sepunya merujuk kepada sikap untuk bertindak dengan kadar segera tanpa melengah-lengahkan masa. Nilai ini menuntut agar tugas yang dilaksanakan adalah atas dasar tanggungjawab dan setia kepada organisasi.

SEMANGAT BERPASUKAN

Semangat berpasukan merujuk kepada kemahuan yang kukuh dalam kumpulan untuk melaksanakan sesuatu tugas bagi mencapai matlamat yang sama. Semangat ini diamalkan melalui kerjasama, komitmen serta interaksi yang harmoni melalui pertukaran idea dan pengalaman.

BERORIENTASIKAN HASIL

Berorientasikan Hasil bermaksud minda dan tindakan yang berfokus kepada hasil dan impak. Elemen penting bagi mencapai keberhasilan adalah SMART iaitu *Specific, Measurable, Achievable, Realistic* dan *Timely*. Ini bermakna memastikan setiap tindakan dirancang dengan teliti dengan mengambil kira kesemua elemen ini dan bukan bertindak secara melulu.

TEMA OBJEKTIF STRATEGIK JPVS

Kecemerlangan Dalam Pembangunan
Industri Ternakan

Kecemerlangan Dalam Kesihatan
Veterinar Dan Pematuhan

Kecemerlangan Dalam Khidmat
Sokongan Dan Pengembangan Veterinar

**IBU PEJABAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
SARAWAK**




Remember diamond is created under
pressure so hold on, it will be your time
to shine soon.

DVS SARAWAK
IS THAT DIAMOND.



BAB 02

LAPORAN TAHUNAN 2022



LAPORAN

BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOMODITI TERNAKAN

BILANGAN PELANGGAN YANG DITERIMA PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN KUCHING

BIL	KATEGORI PELANGGAN	JUMLAH
1	PENTERNAK	120
2	PEDAGANG	250
3	PEMROSES	22
4	PENYEDIA PERKHIDMATAN	0
5	INSITUSI (AWAM & SWASTA)	0
JUMLAH KESELURUHAN		392

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN KUCHING

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 LEMBU	Sebanyak 28 ladang ternakan lembu yang terdapat di Bahagian Kuching dan kesemuanya adalah untuk tujuan pengeluaran daging lembu. Ladang-ladang ini terdiri daripada ladang integrasi kelapa sawit dan ada juga diternak secara intensif. Ladang integrasi utama adalah DAFA, RH PJP, Salcra dan Agrogreen Ventures.
 KERBAU	Hanya 3 ladang yang dikenalpasti di Bahagian Kuching yang menternak kerbau. Populasi ternakan bagi ladang-ladang ini adalah sebanyak 16 ekor sahaja.
 KAMBING	Terdapat 28 ladang di Bahagian Kuching yang mempunyai ternakan kambing. Jabatan juga mempunyai program untuk kategori ruminan kecil iaitu Small Ruminant Pawah Programme (SRPP) bagi membantu membantu mewujudkan ladang nucleus bagi membekal kambing hidup dan seterusnya meningkatkan bilangan penternak kambing pedaging.

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN KUCHING

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 AYAM PEDAGING	Terdapat sebanyak 81 ladang ayam pedaging yang terdapat di Bahagian Kuching. Di mana kebanyakkan ladang-ladang ini tertumpu di Daerah Kuching dan Bau. Penternakan dilakukan secara <i>closed house system</i> dan juga <i>open house system</i>. Namun begitu, peralihan penternakan secara <i>open house system</i> kepada <i>closed house system</i> dalam proses pelaksanaan oleh para penternak yang terlibat. Ladang integrator utama di Bahagian Kuching adalah seperti CCK, Heng Feng, Yeung Lok dan K & L Farming Industries.
 AYAM PENELUR	Sebanyak 8 ladang ayam penelur yang terdapat di Bahagian Kuching. Walaupun tidak banyak ladang ayam penelur yang terdapat di Bahagian Kuching, namun ianya dapat menampung keperluan semasa penduduk setempat.
 ITIK PEDAGING	Terdapat sebanyak 47 pengusaha ladang penternakan itik pedaging yang dikenalpasti di Bahagian Kuching. Dimana kesemua ladang-ladang ini menggunakan penternakan secara semi-intensif. Para penternak menghasilkan daging itik untuk di pasarkan di pasaran lokal sahaja.
 BEBIRI	Hanya 8 penternak yang menternak kambing biri-biri di Bahagian Sibu. Biri-biri yang ditenak merupakan biri-biri pedaging dan mempunyai produktiviti yang baik. Program Small Ruminant Pawah Programme (SRPP) juga ditawarkan bagi penternakan biri-biri oleh Jabatan.
 ITIK PENELUR	Seramai 11 orang pengusaha ladang penternakan itik penelur yang terdapat di Bahagian Kuching. Kaedah penternakan yang digunakan di ladang adalah secara semi-intensif. Penghasilan telur itik ini kemudiannya dipasarkan di pasaran lokal dan untuk memenuhi permintaan bekalan di Kawasan setempat.
 BABI KAMPUNG	Seramai 629 orang penternak babi kampung yang dikenalpasti di Bahagian Kuching. Penternakan babi kampung ini hanyalah untuk menampung kehidupan seharian dan menjadi salah sumber protein di kawasan perkampungan. Penternakan babi kampung juga tidak terlepas dari ancaman penyakit African Swine Fever (ASF) dan keadaan ini menyebabkan pengurangan bilangan ternakan babi kampung di Bahagian Kuching secara keseluruhan.

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN KUCHING

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 BABI KOMERSIAL	Sebanyak 16 ladang komersial babi yang terdapat di Bahagian Kuching dan merupakan Bahagian kedua terbesar dalam pengeluaran bekalan babi di Sarawak. Ladang-ladang ini masih menggunakan kaedah <i>intensive system</i> tetapi bukan mengikut konsep <i>modern pig farm</i> seperti yang disarankan oleh pihak Kerajaan. Namun begitu, populasi ternakan babi komersial kian menurun dari semasa ke semasa diatas penularan wabak penyakit African Swine Fever (ASF) yang melanda Sarawak.
 RUSA	Hanya 3 orang penternak yang menternak rusa dikenali pasti di Bahagian Kuching. Populasi bagi komoditi ini adalah sebanyak 70 ekor. Penternakan rusa di Bahagian Kuching berfungsi untuk memenuhi permintaan daging rusa secara lokal sahaja.
 ARNAB	Terdapat sebanyak 7 orang pengusaha penternakan arnab di Bahagian Kuching. Populasi pada tahun 2022 bagi komoditi ini adalah sebanyak 574 ekor dan ianya berfungsi untuk memenuhi permintaan penduduk setempat yang menggunakan daging arnab sebagai salah satu sumber protein makanan mereka.
 PUYUH	Hanya seorang penternak bagi penternakan puyuh yang terdapat di Bahagian Kuching. Populasi untuk komoditi ini adalah sebanyak 250 ekor sahaja. Walaupun bilangan bagi komoditi ini agak sedikit, pihak Jabatan berharap ianya akan berkembang dari semasa ke semasa.

RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN KUCHING

KOMODITI	2018	2019	2020	2021	2022
LEMBU	3,494	3,227	2,368	2,117	3,016
LEMBU TENUSU	NIL	NIL	NIL	NIL	NIL
KERBAU	25	33	23	9	16
KAMBING	1,099	1,165	598	575	501
BEBIRI	91	92	273	524	264
AYAM PEDAGING	13,611,300	14,53,707	12,707,848	16,094,060	9,314,316
AYAM PENELUR	NA	580,702	589,658	589,658	635,115
ITIK PEDAGING	NA	NA	NA	NA	5,946
ITIK PENELUR	24,958	4,585	77,780	47,223	26,580
BABI KOMERSIAL	28,810	20,320	75,451	75,451	74,347
BABI KAMPUNG	NA	1,166	1,669	7,214	4,206
RUSA	24	24	20	0	70
ARNAB	NA	NA	NA	NA	574
PUYUH	NA	NA	NA	NA	750

**JUMLAH PENGUSAHA/PENTERNAK KOMERSIAL & PERSENDIRIAN BAGI
SETIAP KOMODITI TERNAKAN TAHUN 2022 BAHAGIAN KUCHING**

BIL	KOMODITI	KOMERSIAL	PERSENDIRIAN
1	LEMBU	0	25
2	LEMBU TENUSU	NIL	NIL
3	KERBAU	0	3
4	KAMBING	0	25
5	BEBIRI	0	8
6	AYAM PEDAGING	81	0
7	AYAM PENELUR	8	0
8	ITIK PEDAGING	0	47
9	ITIK PENELUR	0	11
10	BABI KOMERSIAL	16	0
11	BABI KAMPUNG	0	629
12	RUSA	0	3
13	ARNAB	0	7
14	PUYUH	0	1
JUMLAH		105	759

LAPORAN KAJIAN HARGA PASARAN UNTUK KOMODITI TERNAKAN (RM) BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN KUCHING

KOMODITI		PURATA HARGA TAHUNAN (RM)	
		2021	2022
DAGING LEMBU (PER KG)			
1	INDIA	29.90	32.00
2	AUSTRALIA	39.90	49.00
3	TEMPATAN	45.00	50.00
AYAM PEDAGING (PER KG)			
4	SAYAP AYAM : PASARAYA	14.80	15.00
5	AYAM PEDAGING HIDUP : BORONG	11.00	10.30
ITIK PEDAGING (PER KG)			
6	MUSCOVY	23.00	28.00
7	CHERRY VALLEY	20.00	24.00
8	PEKING	20.00	24.00
TELUR AYAM (BIJI)			
9	GRED A	0.46	0.62
10	GRED B	0.43	0.52
11	GRED C	0.37	0.47
12	GRED D	0.36	0.43
AYAM (PER KG)			
13	KACUKAN	24.00	20.00
14	AYAM KAMPUNG		
15	(A) BETINA	21.00	25.00
16	(B) JANTAN	22.00	25.00
17	(C) PURATA	21.50	25.00
TELUR ITIK (BIJI)			
18	SEGAR (BESAR)	1.10	1.40
19	SEGAR (SEDERHANA)	1.00	1.30
20	TEMPATAN (MASIN)	1.50	1.50
21	IMPORT (MASIN)	1.20	1.30
DAGING KAMBING (PER KG)			
22	IMPORT	36.90	5.9
23	TEMPATAN	40.00	85.00
DAGING BABI (PER KG)			
24	DAGING BABI TANPA LEMAK	20.00	34.00
25	DAGING BABI BERLEMAK	22.00	34.00
26	PAHA	20.00	31.50

BILANGAN PELANGGAN YANG DITERIMA PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SERIAN

BIL	KATEGORI PELANGGAN	JUMLAH
1	PENTERNAK	30
2	PEDAGANG	0
3	PEMROSES	15
4	PENYEDIA PERKHIDMATAN	0
5	INSITUSI (AWAM & SWASTA)	0
JUMLAH KESELURUHAN		45

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 LEMBU	Hampir semua kegiatan ternakan lembu dilakukan bagi tujuan pembiakbakaan dan tujuan sembelihan . Ternakan lembu paling banyak terdapat di 3 ladang Salcra iaitu di Salcra Mongkos , Salcra Kedup dan Mayang Breeding. Terdapat beberapa ternakan di lakukan kecil-kecilan dengan bantuan di bawah program <i>Cattle Pawah Programme</i> (CPP) dan <i>Livestock Commercial Development Programme</i> (LCDP).
 LEMBU TENUSU	Ladang lembu tenusu di Bahagian Serian satu-satunya adalah dari Eco Farm Sdn Bhd. Pada tahu 2022, jumlah ternakan lembu tenusu adalah sebanyak 312 ekor . Permintaan susu di Sarawak adalah tinggi dan ladang ini , membekalkan susu di seluruh Sarawak.
 KERBAU	Terdapat 3 ladang kerbau di bahagian Serian iaitu Ladang Samarahan Estate , Mayang Breeding dan penternak bernama Awang Helmi . Kerbau ini dipelihara bagi mengangkut gerabak kelapa sawit bagi mengurangkan tenaga pekerja.
 KAMBING	Permintaan daging kambing di bahagian Serian amat tinggi bagi tujuan seperti akikah .Oleh sebab itu , banyak penternak menceburi bidang ternakan kambing pada masa kini . Terdapat penternak yang telah dibantu di bawah program <i>Small Ruminant Pawah Programme</i> (SRPP) , <i>Sale Of Livestock</i> (SOL) dan <i>Livestock Commercial Development Programme</i> (LCDP).

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SERIAN

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 AYAM PEDAGING	Serian merupakan salah satu kawasan penternakan yang terbesar yang mempunyai jumlah penternak ayam pedaging yang paling banyak. Terdapat hampir 100 ladang ayam pedaging di bahagian Serian yang membekalkan ayam pedaging ke setiap pasaran tempatan. Hampir semua ladang ayam pedaging menjalankan penternakan secara reba tertutup bagi mengelakkan pencemaran bau serta meningkatkan produktiviti ladang mereka.
 AYAM PENELUR	Serian juga merupakan kawasan pengeluar telur ayam yang paling aktif. Hal ini kerana, kebanyakan ladang telur ayam terdapat di Serian. Mereka membekalkan telur ayam ke seluruh Sarawak.
 ITIK PEDAGING	Itik pedaging kurang mendapat sambutan di kawasan ini. Jadi penternakan itik pedaging cuma dilakukan secara kecil-kecilan di belakang rumah serta dilakukan bagi tujuan sara diri.
 ITIK PENELUR	Terdapat 1 ladang ternakan itik penelur secara komersial di kawasan Balai Ringin. Telur itik dijual secara dimasinkan sebelum dipasarkan. Terdapat juga penternak yang memelihara itik penelur secara kecil-kecilan serta mendapat bantuan di bawah bantuan Livestock Commercial Development programme (LCDP).
 BABI KOMERSIAL	Serian juga merupakan pengeluar babi komersial. Kini, hanya beberapa ladang sahaja yang masih beroperasi disebabkan oleh penyakit <i>African Swine Fever</i> (ASF). Kebanyakan baka yang digunakan adalah <i>Landrace</i> X dan <i>Large White</i>.
 BABI KAMPUNG	Ternakan babi kampung cuma dilakukan kecil-kecilan bagi tujuan sara diri dan sembelihan semasa musim perayaan atau majlis keramaian.
 RUSA	Penternakan rusa di kawasan Serian cuma ada 2 penternak di bawah bantuan Geran Baka Ternakan (GBT). Daging selepas sembelihan selalunya di jual kepada penduduk kampung memandangkan ianya mendapat sambutan di kampung-kampung.

RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SERIAN

KOMODITI	2018	2019	2020	2021	2022
LEMBU	1,667	2,226	1,903	1,079	543
LEMBU TENUSU	0	352	352	369	312
KERBAU	57	58	58	65	56
KAMBING	927	978	973	653	539
BEBIRI	0	0	0	0	0
AYAM PEDAGING	13,902,647	13,725,847	14,273,670	9,797,700	10,336,900
AYAM PENELUR	128,000	465,000	197,000	1,378,500	1,503,500
ITIK PEDAGING	82,555	66,555	66,555	12,405	10,755
ITIK PENELUR	16,415	16,000	16,000	10,000	10,000
BABI KOMERSIAL	54,096	39,078	54,130	122,419	47,091
BABI KAMPUNG	4,092	4,359	4,359	5,449	2,053
RUSA	61	56	60	92	85
ARNAB	0	0	0	0	0
PUYUH	0	0	0	0	0

**JUMLAH PENGUSAHA/PENTERNAK KOMERSIAL & PERSENDIRIAN BAGI
SETIAP KOMODITI TERNAKAN TAHUN 2022 BAHAGIAN SERIAN**

BIL	KOMODITI	KOMERSIAL	PERSENDIRIAN
1	LEMBU	3	8
2	LEMBU TENUSU	1	0
3	KERBAU	0	2
4	KAMBING	0	51
5	BEBIRI	0	0
6	AYAM PEDAGING	91	0
7	AYAM PENELUR	13	0
8	ITIK PEDAGING	0	42
9	ITIK PENELUR	1	0
10	BABI KOMERSIAL	17	118
11	BABI KAMPUNG	0	11
12	RUSA	0	2
13	ARNAB	0	0
14	PUYUH	0	0
JUMLAH		126	234

LAPORAN KAJIAN HARGA PASARAN UNTUK KOMODITI TERNAKAN (RM) BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SERIAN

KOMODITI		PURATA HARGA TAHUNAN (RM)	
		2022	2022
DAGING LEMBU (PER KG)			
1	INDIA	31	32
2	AUSTRALIA		
3	TEMPATAN		
AYAM PEDAGING (PER KG)			
4	SAYAP AYAM : PASARAYA	20	28
5	AYAM PEDAGING HIDUP : BORONG	9.50	10
ITIK PEDAGING (PER KG)			
6	MUSCOVY	20	28
7	CHERRY VALLEY	19.50	24
8	PEKING		
TELUR AYAM (BIJI)			
9	GRED A	12.50	18.80
10	GRED B	12.90	15.50
11	GRED C	10.80	14.00
12	GRED D	9.80	13.00
AYAM (PER KG)			
13	KACUKAN	24	24
14	AYAM KAMPUNG		
15	(A) BETINA	21	23
16	(B) JANTAN	22	23
17	(C) PURATA	21.50	23
TELUR ITIK (BIJI)			
18	SEGAR (BESAR)	1.10	1.50
19	SEGAR (SEDERHANA)	1.00	1.50
20	TEMPATAN (MASIN)	1.10	1.70
21	IMPORT (MASIN)	1.20	1.40
DAGING KAMBING (PER KG)			
22	IMPORT	45	55
23	TEMPATAN	45	80
DAGING BABI (PER KG)			
24	DAGING BABI TANPA LEMAK	24	28
25	DAGING BABI BERLEMAK	25	28
26	PAHA	21	24.50



BILANGAN PELANGGAN YANG DITERIMA PERKHIMATAN BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SAMARAHAN

BIL	KATEGORI PELANGGAN	JUMLAH
1	PENTERNAK	362
2	PEDAGANG	46
3	INSITUSI (AWAM & SWASTA)	2
JUMLAH KESELURUHAN		410

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SAMARAHAN

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 LEMBU	Penternakan lembu di Bahagian Samarahan adalah untuk tujuan jualan daging dan baka. Populasi lembu dalam Bahagian Limbang adalah sebanyak 642 ekor polulasi lembu direkodkan. Bilangan penternak yang menceburi bidang ini maih lagi dalam skala kecil dan hanya 2 peserta CPP dibawah seliaan Bahagian Samarahan.
 KERBAU	Terdapat 3 ladang kerbau di seluruh bahagian dan populasinya hanya 9 ekor.
 KAMBING	Penternakan kambing di Bahagian Samarahan pada masa kini semakin mendapat sambutan. Ianya disebabkan oleh permintaan kambing hidup/daging kambing yang tinggi terutama musim perayaan dan korban. Pemintaan untuk kambing hidup tidak dapat memenuhi permintaan tempatan dan harga yang ditawarkan agak tinggi.
 BEBIRI	Populasi beberi di Bahagian Samarahan turut meningkat disebabkan permintaan yang tinggi dan penternak mula sedar akan kelebihan bebiri yang sifatnya yang lasak dan kurang masalah serangan penyakit.

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SAMARAHAN

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 AYAM PEDAGING	Penternakan Ayam Pedaging amat menggalakan dimana terdapat 20 premis komersial yang berlesen dibawah selian bahagian Samarahan.
 AYAM PENELUR	Bilangan penternak untuk ayam penelur masih lagi rendah dan hanya 4 premis berlesen direkodkan.
 ITIK PEDAGING	Populasi untuk itik pedaging terlalu sedikit direkodkan di Bahagian Samarahan. Hal ini disebabkan permintaan untuk daging itik tidak memberansangkan dan sukar untuk dipasarkan. Dari sudut kos makanan pula amat tinggi dan tidak memberi pulangan yang lumayan
 ITIK PENELUR	Terdapat 4 orang penternak yang aktif dalam aktiviti ternakan ini. Satu premis berlesen yang menternak hampir 10,000 ekor ternakan dengan kadar jualan RM 1.2 juta/tahun.
 BABI KOMERSIAL	Terdapat 6 ladang komersial di Bahagian Samarahan. PFA merupakan ladang babi terbesar di Smaarahan namun telah dipindah ke Bahagian Serian mengikut Kawasan Pentadbiran bahagian yang baharu. Walau bagaimanapun, ladang di daerah Samarahan diarahkan untuk ditutup dan berpindah ke PFA disebabkan ketidak sesuaian kawasan untuk ternakan tersebut.
 BABI KAMPUNG	Populasi babi kampung semakin menurun disebabkan penularan wabak Demam babi Afrika dan hampir keseluruhan penternak terkesan dengan penyakit tersebut.
 RUSA	Bilangan penternak dalam industri ini amat rendah dimana samarahan hanay mempunyai 7 orang penternak dengan populasi keseluruhan 49 ekor.
 PUYUH	Terdapat 3 orang penternak yang terlibat secara aktif dalam industri ini . Pemeliharaan puyuh ini bertujuan memenuhi permintaa daging dan telur.

RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SAMARAHAN

KOMODITI	2018	2019	2020	2021	2022
LEMBU	434	453	380	589	642
KERBAU	3	2	4	6	9
KAMBING	1065	1215	1095	941	955
BEBIRI	166	177	373	195	164
AYAM PEDAGING	434565	482850	509675	536500	567500
AYAM PENELUR	96000	97500	98000	10900	109000
ITIK PEDAGING	1540	1740	2300	2020	1140
ITIK PENELUR	10000	10200	13000	16700	17000
BABI KOMERSIAL	250000	26500	25600	263443	220286
BABI KAMPUNG	2250	2100	2350	2199	1590
RUSA	370	356	369	404	265
PUYUH	64000	63000	64300	65000	71000

**JUMLAH PENGUSAHA/PENTERNAK KOMERSIAL & PERSENDIRIAN BAGI
SETIAP KOMODITI TERNAKAN TAHUN 2022 BAHAGIAN SAMARAHAN**

BIL	KOMODITI	KOMERSIAL	PERSENDIRIAN
1	LEMBU	0	26
2	LEMBU TENUSU	0	0
3	KERBAU	0	9
4	KAMBING	0	46
5	BEBIRI	0	12
6	AYAM PEDAGING	20	0
7	AYAM PENELUR	4	0
8	ITIK PEDAGING	0	4
9	ITIK PENELUR	2	2
10	BABI KOMERSIAL	6	0
11	BABI KAMPUNG	0	110
12	RUSA	0	6
14	PUYUH	1	2
JUMLAH		33	217

LAPORAN KAJIAN HARGA PASARAN UNTUK KOMODITI TERNAKAN (RM) BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SAMARAHAN

KOMODITI		PURATA HARGA TAHUNAN (RM)	
		2022	2022
DAGING LEMBU (PER KG)			
1	INDIA	30	35
2	AUSTRALIA	39	36
3	TEMPATAN	0	37
AYAM PEDAGING (PER KG)			
4	SAYAP AYAM : PASARAYA	13.5	14.5
5	AYAM PEDAGING HIDUP : BORONG	9.0	8.9
ITIK PEDAGING (PER KG)			
6	MUSCOVY	14	15
7	CHERRY VALLEY	16.2	0
8	PEKING	15	15
TELUR AYAM (BIJI)			
9	GRED A	0.43	0.65
10	GRED B	0.40	0.60
11	GRED C	0.37	0.55
12	GRED D	0.30	0.50
AYAM (PER KG)			
13	KACUKAN	22	23
14	AYAM KAMPUNG	30	26
15	(A) BETINA	27	28
16	(B) JANTAN	26	27
17	(C) PURATA	26.5	27.5
TELUR ITIK (BIJI)			
18	SEGAR (BESAR)	0.6	0.7
19	SEGAR (SEDERHANA)	1.2	1.2
20	TEMPATAN (MASIN)	1.1	1.2
21	IMPORT (MASIN)	1.0	1.2
DAGING KAMBING (PER KG)			
22	IMPORT	35	35
23	TEMPATAN	40	45
DAGING BABI (PER KG)			
24	DAGING BABI TANPA LEMAK	20	20
25	DAGING BABI BERLEMAK	22	22
26	PAHA	18	18

BILANGAN PELANGGAN YANG DITERIMA PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SRI AMAN

BIL	KATEGORI PELANGGAN	JUMLAH
1	PENTERNAK	144
2	PENYEDIA PERKHIDMATAN (cth: pelatih, auditor)	1
3	INSITUSI (AWAM & SWASTA) (cth: pelajar)	40
JUMLAH KESELURUHAN		185

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SRI AMAN

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 LEMBU	Lembu di Sri Aman terletak kebanyakannya di estet-estet sawit. Contoh estet adalah SALCRA Pakit, SALCRA Batu Kaya, SALCRA Lemanak dan SALCRA Batang Ai. Lembu diternak secara intergrasi. Terdapat beberapa penternak menternak lembu secara kecil-kecilan dan pihak JPV Sri Aman akansedaya upaya untuk mendapat maklumat tersebut.
 KAMBING	Pada tahun 2021, terdapat 242 ekor kambing dengan berjumlah 17 penternak di sekitar Bahagian Sri Aman.
 BEBIRI	Berbiri yang terdapat di Bahagian Sri Aman kebanyakan adalah baka Dorper . Terdapat 7 penternak yang menternak berbiri di Bahagian Sri Aman.
 AYAM PEDAGING	Terdapat satu (1) ladang penternakan ayam pedaging komersial di Sri Aman serta berlesen dibawah JPV Sarawak. Pasaran utama adalah kawasan disekitar bandar Simanggang dan rumah-rumah panjang yang berdekatan.

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SRI AMAN

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 ITIK	Penternakan itik di Bahagian Sri Aman tidak ada yang berskala komersial setakat ini. Akan tetapi, terdapat beberapa penternak yang menternak itik pedaging dan itik penelur dimana pasaran mereka tertumpu kepada kawasan rumah panjang dan penjaja di tamu dan kedai runcit.
 BABI KAMPUNG	Penternakan babi kampung adalah salah satu sumber utama pendapatan dan makanan bagi Bahagian Sri Aman. Terdapat sekitar 85% penternak yang terdapat di Sri Aman adalah penternak babi kampung.
 RUSA	Terdapat dua(2) penternak yang masih bergiat aktif dalam menternak rusa di Bahagian Sri Aman. Tujuan utama penternakan ini adalah fokus kepada rekreasi.
 PUYUH	Penternakan puyuh di Bahagian Sri Aman tidak banyak akan tetapi terdapat dua (2) penternak yang bergiat aktif dan memperoleh pasaran yang stabil dalam menternak puyuh. Penternak-penternak ini bukan sahaja menjual telur, mereka juga menjual puyuh hidup, induk dan daging burung puyuh.

RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SRI AMAN

KOMODITI	2018	2019	2020	2021	2022
LEMBU	651	919	1,339	1,217	1,308
KERBAU	1	1	1	1	1
KAMBING	289	213	251	242	416
BEBIRI	41	13	6	6	199
AYAM PEDAGING	11,400	10,800	9,000	9,000	12,200
AYAM KAMPUNG	140,989	119,669	391,877	57,637	50,692
ITIK PEDAGING	2,290	1,770	10,351	600	1,597
ITIK PENELUR	0	3,002	1,932	9,652	1,532
BABI LOKAL	13,597	14,061	18,030	13,200	2,972
RUSA	50	148	29	49	26
PUYUH	0	0	0	0	850

JUMLAH PENGUSAHA/PENTERNAK KOMERSIAL & PERSENDIRIAN BAGI SETIAP KOMODITI TERNAKAN TAHUN 2022 BAHAGIAN SRI AMAN

BIL	KOMODITI	KOMERSIAL	PERSENDIRIAN
1	LEMBU	0	12
3	KERBAU	0	1
4	KAMBING PEDADING	0	21
	KAMBING TENUSU	0	1
5	BEBIRI	0	8
6	AYAM PEDAGING	4	767
8	ITIK PEDAGING	0	17
9	ITIK PENELUR	0	7
11	BABI KAMPUNG	0	805
12	RUSA	0	4
14	PUYUH	0	2
JUMLAH		1	1,645

LAPORAN KAJIAN HARGA PASARAN UNTUK KOMODITI TERNAKAN (RM) BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SRI AMAN

KOMODITI		PURATA HARGA TAHUNAN (RM)	
		2021	2022
DAGING LEMBU (PER KG)			
1	INDIA	27.00	27.00
2	AUSTRALIA	-	-
3	TEMPATAN	7,000/hd	7,000/hd
AYAM PEDAGING (PER KG)			
4	SAYAP AYAM : PASARAYA	15.00	15.0
5	AYAM PEDAGING HIDUP : BORONG	10.00	18.00
ITIK PEDAGING (PER KG)			
6	MUSCOVY	16.00	16.00
7	CHERRY VALLEY	-	-
8	PEKING	-	-
TELUR AYAM (BIJI)			
9	GRED A	13.50	13.50
10	GRED B	13.00	12.90
11	GRED C	12.50	12.30
12	GRED D	12.00	12.20
AYAM (PER KG)			
13	KACUKAN	26.00	25.00
14	AYAM KAMPUNG		
15	(A) BETINA	18.00	25.00
16	(B) JANTAN	15.00	20.00
17	(C) PURATA	16.50	23.50
TELUR ITIK (BIJI)			
18	SEGAR (BESAR)	-	-
19	SEGAR (SEDERHANA)	-	-
20	TEMPATAN (MASIN)	1.00	1.00
21	IMPORT (MASIN)	1.20	1.20
DAGING KAMBING (PER KG)			
22	IMPORT	45.00	45.00
23	TEMPATAN	35.00	-
DAGING BABI (PER KG)			
24	DAGING BABI TANPA LEMAK	20.00	27.00
25	DAGING BABI BERLEMAK	20.50	27.00
26	PAHA	18.00	20.00

LAPORAN STESEN TERNAKAN TEMUDOK SRI AMAN BAGI TAHUN 2022

POPULASI HAIWAN DI STESEN TERNAKAN

BIL.	KATEGORI/SPESIS/BAKA	POPULASI
1	BERBIRI: DORPER DAMARA	43
2	KAMRING: BOER	1
3	KAMRING: KACUKAN	12
JUMLAH		56



INDEKS PRODUKTIVITI BERBIRI (DORPER DAMARA)

INDEX	STANDARD SET		MONTHLY ACHIEVEMENT		AGGREGATE ACHIEVEMENT	
	%	HDS	%	HDS	%	HDS
Lambing rate (%) 175 ewes	90	51	23	13	7.4	48
Lambing Interval (Mths)	9		9		9	
Lamb Mortality (%) 13 hds	5	0	0	0	1.88	16
Adult Mortality 35 (%)	5	2	0	0	0.99	8
Herd Mortality 96 (%)	5	5	0	0	8.54	24
Birth Weight (kgs)	3 kg		n/a		n/a	
Body Weight at 12 mths	29 kg		n/a		n/a	
Body Weight at 24 mths	45 kg		n/a		n/a	

LAPORAN STESEN TERNAKAN TEMUDOK SRI AMAN
BAGI TAHUN 2022

INDEKS PRODUKTIVITI
KAMBING (KACUKAN)

INDEX	STANDARD SET		MONTHLY ACHIEVEMENT		AGGREGATE ACHIEVEMENT	
	%	HDS	%	HDS	%	HDS
Lambing rate (%) 10 hds	90 %	9	70%	7	100	10
Lambing Interval (Mths)	12		12		12	
Lamb Mortality (%)	5	0	0	0	1.67	3
Adult Mortality (%)	5	0	0	0	1.24	2
Herd Mortality (%)	5	0	0	0	23.81	5
Birth Weight (kgs)	2.5 kg		n/a		n/a	
Body Weight at 12 mths	22 kg		n/a		n/a	
Body Weight at 24 mths	48 kg		n/a		n/a	



BILANGAN PELANGGAN YANG DITERIMA PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN BETONG

BIL	KATEGORI PELANGGAN	JUMLAH
1	PENTERNAK	372
2	PEDAGANG	0
3	PEMROSES	0
4	PENYEDIA PERKHIDMATAN	0
5	INSITUSI (AWAM & SWASTA)	0
JUMLAH KESELURUHAN		372

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 LEMBU	Populasi ternakan lembu di Betong adalah sebanyak 1, 191 ekor. Sebahagian besar populasi lembu ini adalah dari ternakan lembu SALCRA dan selebihnya adalah peternak lembu secara kecil-kecilan.
 KERBAU	Penternakan kerbau di Betong masih kurang mendapat sambutan di mana hanya 9 ekor sahaja populasi yang direkodkan pada 2022.
 KAMBING	Kambing ditenak secara kecil kecilan di Betong bagi memenuhi pasaran tempatan sahaja . Kebanyakannya digunakan untuk upacara keagamaan seperti Aqiqah dan perayaan. Jumlah populasi kambing di Betong pada tahun ini adalah 379 ekor.
 BEBIRI	Terdapat 164 ekor berbiri direkodkan di Betong pada tahun 2022. Seperti ternakan kambing, ternakan berbiri di Betong juga ditenak secara kecil kecilan dan sebagai kegunaan upacara keagamaan dan perayaan.

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN BETONG

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 AYAM KAMPUNG	Peternak di Betong semakin ramai berminat ingin menceburi dalam penternakan ayam kampung sejak terjejas dengan penularan penyakit <i>African Swine Fever</i> (ASF). Populasi kini semakin meningkat dengan jumlah 18, 768 ekor ayam kampung ditenak pada 2022.
 ITIK	Sejumlah 3, 212 ekor itik telah direkodkan pada 2022. Penternakan itik di Betong kebanyakannya adalah untuk produksi daging itik dan telur itik untuk jualan tempatan sahaja.
 BABI KAMPUNG	Populasi babi di Betong terjejas teruk akibat penularan penyakit <i>African Swine Fever</i> (ASF) . Sejumlah iaitu 745 ekor telah direkodkan adalah peternak babi secara kecil-kecilan dan hanya untuk kegunaan sendiri.

RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN BETONG

KOMODITI	2018	2019	2020	2021	2022
LEMBU	620	1,566	1,664	1,736	1,191
KERBAU	0	6	7	7	9
KAMBING	1,527	3,206	3,032	3,152	379
BEBIRI	281	61	98	161	164
AYAM KAMPUNG	19,014	27,550	10,675	15,187	18 638
ITIK	4,558	4,784	5,385	6,821	3212
BABI KACUKAN	9,299	16,267	7,563	9,562	745

**JUMLAH PENGUSAHA/PENTERNAK KOMERSIAL & PERSENDIRIAN BAGI
SETIAP KOMODITI TERNAKAN TAHUN 2022 BAHAGIAN BETONG**

BIL	KOMODITI	KOMERSIAL	PERSENDIRIAN
1	LEMBU	-	7
2	KERBAU	-	1
3	KAMBING	-	17
4	BEBIRI	-	3
5	AYAM KAMPUNG	-	171
6	ITIK	-	101
7	BABI KACUKAN	-	72
JUMLAH		0	372

**LAPORAN STESEN TERNAKAN BERBIRI LAYAR BETONG
BAGI TAHUN 2022**

POPULASI HAIWAN DI STESEN TERNAKAN

BIL.	KATEGORI/SPESIS/BAKA	POPULASI
1	Dorper Mix BBB	156
2	Boer	9
3	Saanen	11
JUMLAH		176

BILANGAN PELANGGAN YANG DITERIMA PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SARIKEI

BIL	KATEGORI PELANGGAN	JUMLAH
1	PENTERNAK	178
2	PEDAGANG	177
3	PEMROSES	0
4	PENYEDIA PERKHIDMATAN	0
5	INSITUSI (AWAM & SWASTA)	0
JUMLAH KESELURUHAN		355

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SARIKEI

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 LEMBU	Terdapat 9 ladang lembu di Bahagian Sarikei dengan populasi lembu 291 ekor dan kebanyakannya adalah baka Brahman, Bali dan sapi. Ternakan lembu yang dipelihara adalah lebu daging dan sasaran pasaran adalah untuk Hari Raya Qurban, majlis perkahwinan, aqiqah dan majlis-majlis kesyukuran.
 KERBAU	Bahagian Sarikei mempunyai 1 ladang ternakan kerbau yang dibantu di bawah Program Usahawan Kerbau (BEP) pada tahun 2021 sebanyak 52 ekor. Populasi ternakan kerbau terkini adalah 89 ekor.
 KAMBING	Penternakan kambing di Bahagian Sarikei pada masa kini semakin mendapat sambutan. Jumlah populasi kambing terkini adalah 424 ekor. Terdapat 2 ladang kambing berlesen di Bahagian Sarikei dan 1 ladang yang beroperasi di bawah bantuan Pawah (Small Ruminant Pawah Program). Ladang SRPP ini juga beroperasi sebagai petting zoo. Kebanyakan kambing diternak untuk tujuan pembikinan baka pedaging tetapi terdapat juga 1 ladang kambing yang memelihara kambing tenusu untuk pengeluaran susu dan sabun susu kambing.

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SARIKEI

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 BEBIRI	Bahagian Sarikei kini mempunyai 1 ladang bebiri dengan jumlah populasi 31 ekor di Meruton, Jakar. Bebiri yang dipelihara adalah untuk tujuan daging.
 AYAM PEDAGING	Terdapat 14 ladang ayam pedaging berlesen di Bahagian Sarikei (5 di Daerah Sarikei dan 9 di Daerah Meradong). Kebanyakan baka ayam pedaging adalah ROSS 308. Setakat ini, semua ladang ayam pedaging masih mengamalkan reban terbuka.
 AYAM PENELUR	Bahagian Sarikei mempunyai 2 ladang ayam penelur berlesen yang mengeluarkan telur ayam Gred A, B, C, D dan juga telur Omega.
 ITIK PEDAGING	Terdapat 2 ladang itik komersial di Bahagian Sarikei. 3 ladang itik pedaging telah mendapat bantuan Livestock Commercial Development Programme (LCDP) 2022. Kebanyakan penternak memilih baka Muscovy (Serati).
 ITIK PENELUR	Penternakan itik tidak asing kepada warga tempatan Sarikei. Terdapat 3 ladang itik belesen di Bahagian Sarikei dan juga 2 ladang itik penelur yang mendapat bantuan Livestock Commercial Development Programme (LCDP) 2022.
 BABI KOMERSIAL	Pada masa ini, tiada babi komersial di Bahagian Sarikei disebabkan wabak penyakit African Swine Fever (ASF).

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SARIKEI

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 BABI KAMPUNG	Rumah-rumah panjang di setiap daerah kebanyakannya memelihara babi kacukan atau khinzir tempatan secara kecil-kecilan untuk menampung kegunaan isi rumah atau untul memenuhi kehendak pasaran penduduk tempatan terhadap daging babi. Tetapi disebabkan wabak ASF pada awal tahun 2022, kebanyakan ladang telah berhenti operasi.
 RUSA	Terdapat 1 ladang rusa di Jalan Merudu, Daerah Sarikei yang telah menerima bantuan Livestock Commercial Development Programme (LCDP) pada tahun 2022. Populasi terkini adalah 59 ekor.
 ARNAB	Daging arnab memang ada tempat di pasaran Sarikei yang gemar burger daging arnab. Terdapat 5 ladang arnab di Bahagian Sarikei dengan jumlah populasi 1,143 ekor.
 PUYUH	Terdapat 1 ladang komersial puyuh di Bahagian Sarikei. Populasi terkini adalah 750 ekor.

RINGKASAN POPULASI SETIAP KOMODITI BAHAGIAN SARIKEI

KOMODITI	2018	2019	2020	2021	2022
LEMBU	186	259	238	266	291
LEMBU TENUSU	0	0	0	0	0
KERBAU	18	25	27	89	89
KAMBING	470	385	404	235	424
BEBIRI	162	129	94	33	31
AYAM PEDAGING	414,700	5,422,100	417,500	400,100	470,200
AYAM PENELUR	15,300	15,000	16,400	11,000	12,000
ITIK PEDAGING	1,750	18,185	19,985	18,178	95,050
ITIK PENELUR	16,070	20,340	21,840	16,560	24,100
BABI KOMERSIAL	670	609	632	602	0
BABI KAMPUNG	26,051	23,325	24,833	15,849	85
RUSA	56	45	43	49	59
ARNAB	134	6,527	6,306	4,386	1,143
PUYUH	655	420	430	350	750

**JUMLAH PENGUSAHA/PENTERNAK KOMERSIAL & PERSENDIRIAN BAGI
SETIAP KOMODITI TERNAKAN TAHUN 2022 BAHAGIAN SARIKEI**

BIL	KOMODITI	KOMERSIAL	PERSENDIRIAN
1	LEMBU	9	0
2	LEMBU TENUSU	0	0
3	KERBAU	0	1
4	KAMBING	8	
5	BEBIRI	0	1
6	AYAM PEDAGING	14	
7	AYAM PENELUR	5	
8	ITIK PEDAGING	5	
9	ITIK PENELUR	2	
10	BABI KOMERSIAL	0	2
11	BABI KAMPUNG	0	16
12	RUSA	1	0
13	ARNAB	5	
14	PUYUH	1	
JUMLAH		50	20

LAPORAN KAJIAN HARGA PASARAN UNTUK KOMODITI TERNAKAN (RM) BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SARIKEI

KOMODITI		PURATA HARGA TAHUNAN (RM)	
		2021	2022
DAGING LEMBU (PER KG)			
1	INDIA	-	21.58
2	AUSTRALIA	28.00	49.86
3	TEMPATAN	-	27.38
AYAM PEDAGING (PER KG)			
4	SAYAP AYAM : PASARAYA	13.99	11.62
5	AYAM PEDAGING HIDUP : BORONG	-	5.71
ITIK PEDAGING (PER KG)			
6	MUSCOVY	19.00	21.28
7	CHERRY VALLEY	19.00	16.56
8	PEKING	-	-
TELUR AYAM (BIJI)			
9	GRED A	0.46	0.37
10	GRED B	0.43	0.35
11	GRED C	0.42	0.33
12	GRED D	0.36	0.33
AYAM (PER KG)			
13	KACUKAN	20.00	23.75
14	AYAM KAMPUNG	-	-
15	(A) BETINA	28.00	24.42
16	(B) JANTAN	25.00	24.17
17	(C) PURATA	26.50	24.29
TELUR ITIK (BIJI)			
18	SEGAR (BESAR)	-	-
19	SEGAR (SEDERHANA)	-	-
20	TEMPATAN (MASIN)	1.10	1.19
21	IMPORT (MASIN)	1.10	1.19
DAGING KAMBING (PER KG)			
22	IMPORT	28.00	27.48
23	TEMPATAN	35.00	31.50
DAGING BABI (PER KG)			
24	DAGING BABI TANPA LEMAK	24.00	24.38
25	DAGING BABI BERLEMAK	24.00	22.58
26	PAHA	20.00	21.17

BILANGAN PELANGGAN YANG DITERIMA PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2022 BAHAGIAN SIBU

BIL	KATEGORI PELANGGAN	JUMLAH
1	PENTERNAK	54
2	PEDAGANG	123
3	PEMROSES	5
4	PENYEDIA PERKHIDMATAN	0
5	INSITUSI (AWAM & SWASTA)	0
JUMLAH KESELURUHAN		182

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SIBU

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
 LEMBU	Sebanyak 6 ladang ternakan lembu yang terdapat di Bahagian Sibu dan kesemuanya adalah untuk tujuan pengeluaran daging lembu. Ladang ini terdiri daripada ladang integrasi kelapa sawit dan ada juga dternak secara intensif. Kebanyakan ladang ternakan lembu merupakan peserta daripada Cattle Pawah Programme (CPP) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak.
 KAMBING	Terdapat 12 ladang di Bahagian Sibu yang mempunyai ternakan kambing. Kambing yang dternak terdiri daripada kambing Boer dan juga kambing kacukan tempatan. Pasaran kambing di Bahagian Sibu adalah lebih kepada memenuhi permintaan tempatan bagi daging kambing dan juga untuk ibadah korban dan aqiqah. Sebanyak 3 orang penternak kambing ini dibantu oleh Jabatan dengan skim penternakan Small Ruminant Pawah Programme (SRPP).
 BEBIRI	Terdapat 2 penternak yang menternak kambing biri-biri di Bahagian Sibu dengan berjaya. Biri-biri yang dternak adalah jenis Dorper demi penghasilan kadar daging yang cepat dan lebat. Oleh sebab itu, baka ini merupakan biri-biri pedaging yang terkenal dan ia juga merupakan salah satu jenis baka ternakan yang mempunyai daya tahan penyakit yang agak tinggi dan produktiviti yang mantap.
 AYAM PEDAGING	Terdapat 28 ladang ayam pedaging yang berlesen di Bahagian Sibu. Secara keseluruhan, majoriti ladang-ladang ini menggunakan penternakan secara <i>closed house system</i> manakala hanya minority sahaja yang masih menggunakan konsep <i>open house system</i>. Proses peralihan penternakan secara <i>open house system</i> kepada <i>closed house system</i> masih dalam pelaksanaan oleh para penternak yang telibat.

PROFIL INDUSTRI KOMODITI TERNAKAN BAHAGIAN SIBU

KOMODITI	PROFIL INDUSTRI
